

**Pemilihan Umno Pemilihan Secara Berkeluarga - Shafie
Bernama
9 Sept, 2013**

KUALA LUMPUR, 9 Sept (Bernama) -- Sistem pemilihan baharu yang diperkenalkan Umno pada Oktober ini perlu dilihat sebagai pemilihan secara berkeluarga bagi menentukan kepimpinan parti, kata Naib Presiden Umno Datuk Seri Shafie Apdal.

Beliau berkata pemilihan itu juga bertujuan memperkemas dan mengukuh parti bukannya untuk memecahbelahkan anggotanya.

"Apa yang penting bagi kita, pertandingan ini menguatkan parti, bukan melemahkan dan memecahbelahkan parti kerana ini akan memudaratkan parti," katanya kepada pemberita selepas menyaksikan majlis menandatangani Ikrar Integriti antara Felcra Berhad dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di sini Isnin.

Shafie, yang juga Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, percaya kira-kira 140,000 perwakilan Umno yang mengundi pada pemilihan kali ini dapat memilih kepimpinan berdasarkan keupayaan dan konsep peremajaan.

Mengenai pengumuman pengerusi Felda Global Ventures Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad dan bekas Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Mohd Ali Rustam untuk bertanding jawatan naib presiden Umno, Shafie yang berhasrat mempertahankan jawatannya itu berkata beliau menghormati hasrat mereka untuk bertanding.

"Mereka adalah rakan-rakan. Mereka juga mempunyai kelebihan dan kebolehan sendiri," katanya.

Shafie berkata gandingannya dengan dua lagi naib presiden iaitu Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein dan Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi adalah seperti sebuah pasukan bola sepak kerana persefahaman yang diterjemahkan mereka pada pilihan raya umum lepas.

Selain itu, katanya pemilihan kali ini juga akan memperlihatkan ketelusan dan tiada politik wang terlibat berikutan lebih 140,000 perwakilan daripada lebih 20,000 cawangan Umno di seluruh negara akan mengundi.

Pada pemilihan Oktober depan, kira-kira 140,000 anggota Umno di peringkat akar umbi dari 191 bahagian akan memilih presiden, timbalan presiden, tiga naib presiden, 25 anggota Majlis Tertinggi dan anggota jawatankuasa bahagian.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=976313>